

25/03/2002

Amerika tak ada Wak Mi Rebus: Anita

BERSEMBANG dengan Anita Sarawak memanglah menyeronokkan. Tanyalah siapa saja termasuk wartawan yang pernah mendengar Diva itu berborak, tentu semua kata Anita pandai bercerita - macam juga gaya nyanyiannya dalam lagu Dengar Ini Cerita!

Rasanya, sikap semula jadi Anita itu sama seperti arwah ibunya, Allahyarham Primadona Siput Sarawak. Ketika masih hidup dulu, ada beberapa kali saya pernah bersembang dengan Mak Siput dan ceritanya juga kelakar macam Anita.

Malah apabila saya ingin bergambar dengan Mak Siput pada satu majlis (Seniwati Azean Irdawaty kebetulan berada di situ), Mak Siput dengan bersahaja membuat aksi lucu mengikut permintaan jurugambar. Foto istimewa itu saya simpan sebagai kenangan dan setiap kali melihatnya, saya akan tersenyum.

Bagi Anita, bakat seni yang ada dalam dirinya, warisan daripada datuk, Allahyarham Dollah Sarawak, ibu (Siput) dan arwah ayah, Allahyarham Datuk S Roomai Noor, jelas tidak dapat direnggangkan lagi.

Menitik sekejap air mata wartawan Bintang Popular, Ellyna Ali, pada sidang media di Bukit Jalil, minggu lalu apabila mendengar kata-kata Anita bahawa dia akan terus menghibur selagi hayat dikandung badan dan segala-gala diharapkannya berakhir apabila nyawanya bercerai dari badan kelak.

Suami Anita, Mohd Mahathir Abdullah yang duduk di sebelahnya sepanjang perbualan itu seakan memahami. Dia sentiasa menggenggam erat tangan isterinya itu yang terlalu sayangkan dengan dunia seni.

Begitulah semangat Anita. Bukan setakat dia mahu terus menyanyi dan menyanyi, tetapi ingin berbakti. Berbakti di sini bukanlah sekadar mahu menyanyi pada majlis amal semata-mata namun Anita ingin berkongsi ilmu dan pengalamannya dengan artis muda dari Malaysia.

Malah ketika ditanya wartawan siapa artis Melayu zaman sekarang yang dirasakannya berbakat untuk digilap, Anita berkata mereka termasuklah Siti Nurhaliza, Nurul - Ajai dan Yasin - Mimpi Laila. Hmmm, dengar tu?

Keadaan ini berbeza dengan sekelumit artis veteran kita yang bersikap sebaliknya. Seorang yang saya tahu, bukan sekadar mula psiko sendirian apabila melihat setiap artikel dan persembahan Siti, tetapi cuba memaksa orang lain supaya mengatakan Siti tidak bagus. Pelik bukan?

Hakikat sebenar, bukan saja Anita, malah ramai artis handalan di Indonesia seperti Titiek Puspa (pernah menang anugerah di luar negara), Kris Dayanti (Superstar Nombor Satu di Indonesia sekarang), Titi DJ, Endang S Taurina dan ramai lagi, mula mengiktiraf mutu vokal Siti. Tidakkah kita seharusnya berbangga?

Sebenarnya saya bukanlah bertujuan menjadikan Siti 'kembang' atau 'terbang' dengan pujian sebegitu tetapi hakikat tetap hakikat walaupun Siti masih ada kelemahan dari sudut tertentu.

Cuma Anita berpesan - tidak kira sesiapa saja termasuk Siti yang berminat melangkah lebih jauh lagi - pertajamkanlah bahasa Inggeris kerana komunikasi itu amatlah penting.

Sama ada suka atau tidak, bahasa Inggeris buat masa ini masih menjadi bahasa pengantar utama dunia dan tidak salah kalau kita menuntut ilmu (pada masa yang sama mendaulatkan bahasa Melayu) untuk memajukan anak bangsa sendiri.

Lucu juga Anita berkata, cara dia berbahasa Inggeris pun mengikut tempat.

Kalau di Las Vegas bahasa Inggerisnya boleh membuatkan Mat Salleh cair tetapi bila sudah berjumpa orang Asia, dalam sekelip mata, corak pertuturan dan loghatnya terus berbau belacan.

"Kita sebenarnya kena yakin dan tunjukkan kepada Barat, orang Asia juga berani. Itulah semangat saya sejak dulu. Walaupun ketika mula-mula sampai di Vegas saya pernah dipandang sebelah mata, saya tetap tekadkan hati dan berkata... nantilah, kau orang belum kenal siapa aku lagi!

"Syukurlah kerana berkat yakin, usaha dan disiplin, saya akhirnya dapat membuka mata mereka di Las Vegas," kata Anita yang suka bangun seawal 6.30 pagi supaya kelihatan segar.

Dalam serius berpesan dan memberi tips itu, Anita tetap melayan soalan bersifat peribadi yang dilontarkan.

"Kenapa Kak Nita pilih orang asing sebagai suami?" tanya seorang wartawan.

"Alah Dik, kat Amerika sana tu mana ada Wak Mi Rebus..." jawab Anita lalu menterjemahkan kata-katanya itu kepada Mahathir. Mendengar terjemahan Anita, suaminya terus tertawa. Kelakar juga kerana sekali-sekala terbit perkataan Melayu seperti "Alamak dan Cendol" dari mulut Mahathir.

Anita juga terharu kerana ada kanak-kanak generasi baru turut mengenalinya.

Sebagai contoh, ketika berada di Melaka bagi menjayakan program Mahligai terbitan produksi Singapura, baru-baru ini sekumpulan budak-budak sekolah menegurnya.

"Mereka jerit-jerit nama saya, Kak Nita... Kak Nita! Alamak, kita ni kan dah taraf makcik dan nenek, ada pula budak-budak panggil kakak! Saya tanya mereka, kenal tak lagu Kak Nita? Lalu mereka terus nyanyi lagu Akhirnya Kini Pasti," kata Anita yang menyambut ulang tahun hari jadi ke-50, kelmarin.

Kini, Anita hanya membilang hari untuk melangkah ke konsert solonya di Stadium Putra, Bukit Jalil, pada 7 April nanti, sehari selepas bintang Bollywood memamatkan Genting Highlands dengan Anugerah IIFA.

Anita berpesan lagi, bawalah seisi keluarga menonton konsertnya itu kerana ia memang ditujukan untuk semua lapisan usia. Jadi, kita jumpa di sana.

roslen2001@hotmail.com

(END)